



JAINAB (empat, kiri) menyempurnakan gimik perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Psikologi 2016 (ICEduPsy16). Turut kelihatan Harun (tiga, kiri).

ICEduPsy16 platform terkini ikuti perkembangan bidang pendidikan dan psikologi

48 24.9.2016 B9

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Penganjuran Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Psikologi 2016 (ICEduPsy16) menjadi platform buat pengamal akademik terutamanya penyelidik dan pelajar pascasiswazah untuk mengikuti perkembangan terkini dalam bidang berkenaan.

Naib Cancellor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, hal ini kerana peserta secara langsung akan terlibat dalam dialog yang mengupas isu pencapaian, cabaran dan peluang yang ada dalam kedua-dua bidang berkenaan.

"Bertepatan dengan tema yang digunakan iaitu 'Transformasi Mendidik Generasi Dalam Membentuk Masa Depan' menjadi platform untuk merangsang peserta berbahas dalam bidang psikologi dan pendidikan baru hasil

penyelidikan dan penemuan tingkah laku manusia dan inovasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

"Usaha ini juga akan membawa pandangan baru dalam memajukan bidang psikologi dan pendidikan yang diamalkan di kedua-dua negara," katanya ketika berucap pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Psikologi 2016 (ICEduPsy16), di sini Khamis lepas.

Seramai 500 peserta terdiri dari delegasi kedua-dua negara menyertai persidangan berkenaan yang berlangsung selama dua hari itu.

Persidangan itu adalah anjuran bersama Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Universitas Borneo Tarakan Kalimantan Timur Indonesia.

Harun berkata, kerjasama ini juga akan mengukuhkan hubungan kejiwaan Malaysia-Indonesia dan menggalakkan perkongsian ilmu dan pengetahuan di kalangan pakar-pakar dalam

bidang ini.

Malahan katanya, ia juga menyumbang kepada perubahan pengajaran sebagai salah satu anjakan profesion pilihan yang disenaraikan dalam pendidikan Malaysia.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid ketika berucap merasmikan persidangan itu berkata, pendidikan dan psikologi adalah dua bidang yang saling berkaitan dan mampu memberi kesan yang besar terhadap kebajikan rakyat.

Justeru beliau berharap agar persidangan berkenaan akan menyediakan ruang untuk para pendidik dan penyelidik berkongsi pengetahuan dan membincangkan isu-isu pendidikan dan psikologi terkini di rantau ini.

"Kita juga berharap agar pengamal akademik akan terus memupuk kerjasama tempatan dan antarabangsa untuk menggalakkan lagi profesion pendidikan dan psikologi terutamanya di rantau Borneo," katanya.